

# SURAH ASH-SHAFF : BEBERAPA APLIKASI DALAM KEHIDUPAN UMAT ISLAM

## PENGENALAN SURAH

TERTIB MUSHAF : [Surah ke 61 selepas surah al-Mumtahanah](#)

TERTIB NUZUL : [Surah Ke-109 diturunkan selepas surah at-Taghabun](#)

KATEGORI : [Madaniyyah](#)

BIL AYAT : [14 ayat](#)      Bil Kalimah : [221 kalimah](#)      Bil Huruf : [926 huruf](#)

TAHUN PENURUNAN : [6 Hijrah](#)    UMUR RASUL : [59 Tahun](#)    TAHUN : [628 Masihi](#)

Anggaran Waktu Penurunan : [Sebelum Perjanjian Hudaibiyah](#)

TEMA UTAMA : [Kepentingan penyatuan umat Islam seperti sebuah bangunan](#)

OBJEKTIF : menjelaskan kepentingan berjihad di dalam satu barisan, pengajaran kisah kaum nabi Isa dan nabi Musa dan perniagaan yang mendatangkan keuntungan kepada orang Mukmin

KANDUNGAN :

BIL	PERKARA	AYAT
1	Seruan Berjihad Dalam Satu Barisan	<a href="#">1 – 4</a>
2	Peringatan Kisah Nabi Isa Dan Nabi Musa Bersama Bani Israel	<a href="#">5 – 9</a>
3	Perniagaan Yang Menguntungkan	<a href="#">10 – 14</a>

## BAHAGIAN PERTAMA

### SERUAN BERJIHAD DALAM SATU BARISAN

(Ayat 1 hingga ayat 4)

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**  
**سَبَّحَ اللَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ أَعَزِيزُ الْحَكِيمُ**

- 1. Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, tetap mengucap tasbih kepada Allah; dan Dia lah Yang Maha Kuasa, Lagi Maha Bijaksana.**

Amalan memuji dan memuliakan Allah serta menghargai kebesaran, kekuasaan dan keesaanNya serta semua sifat-sifat kesempurnaan yang dimilikiNya adalah amalan semua makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada yang berakal ataupun tidak berakal. Allah SWT adalah Maha Gagah dan Maha Perkasa mengatasi hambaNya yang tidak dapat menandingiNya. Allah Maha Bijaksana pada perbuatan dan perkataanNya; bijak mentadbir dan mengatur urusan dan memberi petunjuk kepada makhluk ciptaanNya.

**Ayat ini menggalakkan manusia agar sentiasa bertasbih, berakhhlak mulia dan melakukan amalan yang baik termasuklah melaksanakan setiap perkara yang telah dijanjikan**

**يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنَّا لَهُمْ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ**

- 2. Wahai orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!**

Wahai orang-orang yang beriman dengan Allah dan RasulNya, mengapakah ucapan dan perkataan kamu bercanggah dengan amalan kamu. Ayat ini merupakan bantahan Allah Taala terhadap orang Islam yang tidak setia terhadap janji dan kata-kata mereka untuk berjihad.

**Ayat ini merupakan dalil wajib menunaikan janji secara mutlak sama ada janji tersebut bersyarat ataupun tidak**

كَبُرَ مَقْتَأَعِنَّدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

**3. Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.**

Menjadi satu dosa besar jika kamu mengatakan sesuatu tetapi kamu tidak melakukan perkara tersebut. Sesungguhnya memungkiri janji adalah tanda seseorang itu mementingkan diri sendiri, mengabaikan kebajikan, meninggalkan sifat mulia dan masa orang lain. Di samping itu, perbuatan ini menghilangkan kepercayaan individu dan orang ramai.

**Mengelakkan dan menjauhkan diri dari bersikap memungkiri janji kerana Allah sangat murka kepada dengan sikap mungkir janji, malah akan dicela dan dipandang hina orang ramai**

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقْاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَأَنَّهُمْ بُنِيَّنَ مَرْضُوصٌ ﴿٤﴾

**4. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.**

Allah menyanjung orang yang cekal dan berani tampil berjihad dalam peperangan. Allah menegaskan bahawa Diaa meredhai dan memberikan ganjaran pahala yang banyak kepada orang yang berjuang dan berperang di jalanNya dalam satu barisan yang satu seperti binaan batu-bata yang tersusun dan kukuh, saling berpaut dan bertaut antara satu sama lain.

**Berjihad di jalan Allah perlu memiliki keazaman dan semangat yang tinggi, kaedah yang pelbagai, bekerjasama dengan satu matlamat dan mempunyai hati yang tidak takut mati**

## BAHAGIAN KEDUA

### PERINGATAN KISAH NABI ISA DAN NABI MUSA BERSAMA BANI ISRAEL

(Ayat 5 hingga ayat 9)

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يَقُولُونَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ إِلَيْكُمْ فَلَمَّا  
رَأَوْهُ أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾

5. Dan ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya : "Wahai kaumku! Mengapa kamu menyakiti aku, sedang kamu mengetahui bahawa sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu?" Maka ketika mereka menyeleweng, Allah selewengkan hati mereka dan Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik derhaka.

Allah SWT mengingatkan umat Islam agar tidak mengingkari perintah Rasulullah seperti yang telah dilakukan oleh kaum Nabi Musa dan Nabi Isa terhadap baginda berdua. Setelah datang kepada mereka hujah kebenaran dan mukjizat yang benar daripada Allah, mereka tetap memperlekeh, mencela dan menyakiti rasul mereka walaupun meyakini kebenaran risalah yang dibawa oleh rasul tersebut. Seseorang rasul itu mestilah dihormati dan disanjung. Mereka telah menyaksikan mukjizat rasul mereka, maka sewajibnya mereka mengiktiraf risalah yang bawa.

**Pengajaran dan tegahan kepada umat Muhammad SAW agar tidak mengeji dan menyakiti Rasulullah seperti yang dilakukan oleh kaum Nabi Musa dan Nabi Isa.**

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَبْنَى إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُّصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ الْتَّورَةِ وَمُبَشِّرًا يَأْتِي  
مِنْ بَعْدِي أَسْمُهُ وَأَحْمَدُ فَلَمَّا جَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٦﴾

6. Dan ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: "Wahai Bani Israil sesungguhnya aku ini adalah pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad". Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: "Ini adalah sihir yang jelas nyata!"

Al-Quran telah mendedahkan kepada umat manusia berkaitan dakwah yang dilakukan oleh Nabi Isa kepada kaumnya. Baginda menyeru kaumnya dengan

menjelaskan bahawa baginda adalah rasul yang diutuskan kepada bani Israil, membenarkan ajaran-ajaran yang terdapat di dalam kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa a.s dan membawa berita gembira tentang rasul selepas baginda iaitu Ahmad atau Muhammad.

Namun, setelah dimaklumkan berita gembira tentang kedatangan Nabi Muhammad di dalam kitab-kitab terdahulu melalui dalil-dalil dan mukjizat yang pasti, orang-orang kafir dengan tegas mendustai kebenaran rasul terakhir dengan mengatakan ini adalah sihir yang nyata.

**Manusia wajib beriman kepada Allah dan Rasul setelah datang mukjizat, bukti dan dalil daripada utusan Allah**

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكِبَرَ وَهُوَ يُدْعَى إِلَى الْإِسْلَامِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٧﴾

7. **Dan tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah, sedang ia diajak kepada memeluk Islam; dan Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim.**

Tidak ada orang yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan pendustaan terhadap Allah serta mensyirikkanNya; walaupun mereka didakwah kepada tauhid dan ikhlas kepada Allah. Allah tidak akan memberi petunjuk dan hidayah ke arah kebenaran dan kewajaran terhadap orang-orang kafir yang menzalimi diri sendiri disebabkan kekufuran mereka kepada Tuhan.

**Manusia yang paling zalim adalah mereka yang mendustakan ajaran Rasulullah dan melakukan syirik kepada Allah setelah diajak kepada agama Islam**

يُرِيدُونَ لِيُطْفَئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتَمِّمُ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكُفَّارُونَ ﴿٨﴾

8. **Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang kafir tidak menyukainya.**

Orang-orang kafir memang dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh menghapuskan dakwah Islam dan menolak hidayah Allah. Mereka juga melawan seruan Allah dengan menggunakan mulut mereka iaitu dengan cara berdusta dan menyembunyikan kebenaran agama Allah. Allah menyifatkan mereka seperti golongan yang ingin memadamkan cahaya matahari dengan mulut, sedangkan perkara tersebut adalah mustahil. Demikian juga, memadamkan dakwah dan ajaran Islam adalah mustahil.

Allah sendiri yang menyebarkan agama Islam ke seluruh pelusuk dunia, bahkan Dia menampilkan keunggulan Islam mengatasi agama-agama lain dan menyokong RasulNya, meskipun orang-orang kafir amat membencinya.

**Umat Islam adalah saksi cahaya Islam kepada umat-umat yang lain.  
Mereka mengamalkan ajaran Islam setelah mendapat hidayah daripada  
Allah dengan mengharapkan keredhaan dan rahmat Allah semata-mata**

٩ هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينُ الْحَقِّ يُظْهِرُهُ عَلَى الْدِينِ كُلِّهِ وَلَوْكَرَهُ الْمُشْرِكُونَ

9. **Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya ia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.**

Allah sendiri yang mengutuskan Muhammad SAW sebagai utusanNya, membawa hidayah yang sempurna sebagai agama kebenaran. Ajaran-ajarannya tertera di dalam al-Quran dan sunnah Nabi. Hal ini pasti berlaku dan tidak mustahil, walaupun orang-orang musyrik tidak bersetuju, menentang dan menghalang ajaran Islam.

**Peranan Rasulullah adalah merealisasikan arahan dan perintah Allah dalam bentuk yang realiti, membela dan meninggikannya mengatasi agama-agama lain dari segi hujah dan kenyataan.**

## BAHAGIAN KETIGA

### PERNIAGAAN YANG MENGUNTUNGKAN

(Ayat 10 hingga ayat 14)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامْنُوا هَلْ أَدْلَكُ عَلَى تَجْرِيَةٍ تُنْجِي كُمْ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

- 10. Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang terpergi sakitnya?**

Allah memberikan galakan dan dorongan kepada orang beriman yang beramal soleh dengan memperolehi keuntungan daripada amalan soleh sebagaimana mereka mendapat keuntungan daripada perniagaan. Keuntungan tersebut berupa peluang memasuki syurga dan pelepasan daripada azab neraka.

**Allah menjadikan syurga sebagai keuntungan bagi perniagaan iman dan mujahadah yang dilakukan oleh orang yang beriman dan beramal soleh**

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَا مُؤْلِكُ الْجَنَّاتِ وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعَلَّمُونَ ﴿١١﴾

- 11. Kamu beriman kepada Allah dan rasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)**

Hendaklah kamu sentiasa beriman dengan Allah dan Rasulullah, mengikhlaskan amalan kerana Allah, berjihad untuk meninggikan agama Allah dan menyebarluaskan agamaNya dengan mengorbankan jiwa dan harta benda. Allah SWT menyebutkan "harta" lebih awal kerana ia digunakan terlebih dahulu dalam perbelanjaan di jalan Allah.

**Ayat ini tidak dapat direalisasikan melainkan seseorang yang mempunyai ilmu yang benar dan kesedaran yang tinggi terhadap masa hadapan**

يَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلُكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ وَمَسِكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتٍ عَدِّنَ ذَلِكَ الْفَوْزُ

﴿١٢﴾  
الْعَظِيمُ

- 12. (Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta**

**ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga "Adn". Itulah kemenangan yang besar**

Sekiranya kamu melakukan apa yang Allah perintah dan tunjukkan kepada kamu, nescaya Allah akan mengampunkan segala dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawah istana-istananya anak-anak sungai, serta menempatkan kamu di tempat tinggal yang baik. Pelbagai darjah yang tinggi telah disediakan di dalam syurga untuk selama-lamanya.

**Rebutlah kemenangan yang besar daripada Allah iaitu keampunan Allah Taala dan dimasukkan ke dalam syurga**

وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبِشْرٌ الْمُؤْمِنِينَ  
﴿١﴾

- 13. Dan ada lagi limpah kurnia yang kamu sukai, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya). Dan sampaikanlah berita yang mengembirakan itu kepada orang-orang yang beriman.**

Diberikan juga suatu anugerah lain yang amat membanggakan kamu iaitu pertolongan daripada Allah SWT dan kemenangan yang disegerakan untuk menguasai negara-negara seperti Mekah, Parsi dan Rom.

**Sekiranya kamu berjuang di jalan Allah, maka Allah akan memberikan pertolongan segera di dunia dan balasan syurga di akhirat.**

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُنُوا أَنْصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيْكَنَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ  
الْحَوَارِيْكُونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ فَقَاتَنَتْ طَائِفَةٌ مِّنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَتْ طَائِفَةٌ فَإِنَّدَنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَى  
عَدُوِّهِمْ فَاصْبِرُوا ۝  
﴿٤﴾

- 14. Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalanku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?" Mereka menjawab: "Kamilah pembela-pembela (agama) Allah!" (Setelah Nabi Isa tidak berada di antara mereka) maka sepuak dari kaum Bani Israil beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan**

**kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang.**

- Allah memerintahkan umat Islam untuk membela agama-Nya dan Rasulullah pada setiap waktu dan setiap keadaan dengan perkataan dan perbuatan, jiwa dan harta seperti yang dilakukan oleh kaum al-Hawariyyun (penyokong-penyokong Nabi Isa yang terpilih dan ikhlas hati)
- Apabila Nabi Isa menyampaikan risalah Tuhan kepada kaumnya (bersama pengikut yang membantu baginda), sebahagian golongan Bani Israil mendapat hidayah lalu beriman kepada Allah dan Nabi Isa. Mereka mengakui hakikat sebenar bahawa baginda adalah hamba Allah dan juga pesuruhNya.
- Manakala sebahagian yang lain tetap di dalam kesesatan. Mereka ini ingkar terhadap Nabi Isa dan membantah kenabian baginda. Di samping itu, mereka menuduh Nabi Isa dan ibu baginda melakukan perbuatan keji.
- Terdapat juga sekumpulan dari pengikut baginda ada yang bersikap keterlaluan sehingga menyifatkan Nabi Isa as sebagai anak Tuhan.
- Allah memberi pertolongan kepada orang yang beriman untuk menentang golongan Nasrani yang memusuhi mereka. Seramai 70 orang telah menemui Nabi Muhammad SAW untuk berbai'ah ketika perjanjian 'Aqabah. Mereka berjanji untuk melindungi dan menolong baginda sehinggalah Allah menzahirkan agamanya.

**Allah memberikan kekuatan kepada pihak yang benar dengan hujah dan semangat daripadaNya untuk menewaskan penentang dan penghalang mereka dengan beroleh kemenangan**

Disediakan oleh,

Bahagian Maktabah, Jabatan Mufti Negeri Perak  
23 Syawal 1442H / 4 Jun 2021M